

D106

U B190 DEB  
MAHATHIR - SUMBER

LANGKAWI, 28 DIS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA PENDUDUK LANGKAWI SUPAYA BEKERJA KERAS MEMANFAATKAN SEGALA SUMBER KEKAYAAN YANG BANYAK YANG DIKURNIAKAN OLEH TUHAN KEPADA PULAU ITU.

BELIAU MENYIFATKAN PENDUDUK LANGKAWI SEBAGAI TINGGAL DI ATAS +LOMBONG EMAS+ KERANA PULAU ITU MEMPUYAI HASIL MAHSUL YANG KAYA SEPERTI BATU MARMAR DAN ALAM SEKITAR YANG MENARIK SEBAGAI TARIKAN PELANCONG.

+KALAU KITA TIDAK TAHU HENDAK MENGGUNAKAN SUMBER-SUMBER YANG DIKURNIAKAN OLEH TUHAN ITU, KITA TIDAK AKAN MENDAPAT MANFAATNYA,+ KATANYA KEPADA KIRA-KIRA 5,000 ORANG PENDUDUK LANGKAWI YANG MENGADAKAN MAJLIS SAMBUTAN +TERIMA KASIH CHE DET (DATUK SERI DR MAHATHIR)+ DI KAWASAN PERKELAHAN LUBUK SEMILANG, KIRA-KIRA 15KM DARI KUAH, HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMINTA PENDUDUK LANGKAWI SUPAYA BERUSAHA KERAS BAGI MENDAPATKAN SEBANYAK-BANYAK HASIL DARIPADA SUMBER-SUMBER ITU AGAR DAPAT MENINGKATKAN TARAF HIDUP KE ARAH YANG LEBIH MEWAH.

BELIAU BERKATA, DENGAN CARA ITU SAHAJA PENDUDUK LANGKAWI DAPAT MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN DAN BERSYUKUR KEPADA TUHAN KERANA MENGURNIAKAN SUMBER-SUMBER SEMULA JADI YANG KAYA ITU. -- LAGI.  
1614MST 28 12 89

D107

U B191 DEB  
MAHATHIR - SUMBER 2 LANGKAWI

BELIAU BERKATA, USAHA KERAJAAN MENJADIKAN LANGKAWI SEBAGAI PULAU PELABUHAN BEBAS CUKAI TELAH MENOKOK TAMBAH SUMBER KEKAYAAN PULAU ITU DAN KINI +LANGKAWI MERUPAKAN SATU PUNCA KEKAYAAN YANG TIDAK TERHINGGA+.

+KITA MENGISYTIHARKAN PULAU LANGKAWI SEBAGAI PULAU BEBAS CUKAI BERMakNA KITA MENDAPAT KEKAYAAN PERCUMA,+ KATA BELIAU.

BELIAU JUGA MENINGATKAN PENDUDUK LANGKAWI SUPAYA JANGAN BERSIKAP TAMAK DAN JANGAN MEMANDANG ORANG YANG DATANG DARI LUAR LANGKAWI SEBAGAI ORANG ASING.

KATANYA, RAKYAT MALAYSIA YANG BUKAN BERASAL DARI LANGKAWI JUGA SAMA-SAMA MEMPUYAI HAK UNTUK BERKONGSI KESENANGAN HASIL DARIPADA TARAF BEBAS CUKAI YANG DIBERIKAN OLEH KERAJAAN KEPADA PULAU ITU.

MENGENAI TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1990, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU MENJANGKA LEBIH RAMAI PELAWAT AKAN MELANCONG KE PULAU LANGKAWI DAN BELIAU MEMINTA SEMUA GOLONGAN MASYARAKAT DI LANGKAWI SUPAYA MEMBERI LAYANAN MESRA KEPADA MEREKA. -- LAGI.  
1616MST 28 12 89

D112

U B196 DEB  
MAHATHIR - SUMBER 3 LANGKAWI

BELIAU JUGA MENASIHATI PENDUDUK LANGKAWI SUPAYA JANGAN MENGAMBIL JALAN SINGKAT UNTUK MENCAPAI KEKAYAAN DENGAN MENJUAL TANAH. MEREKA BOLEH MENYERTAI BIDANG PERHOTELAN SEKURANG-KURANGNYA DENGAN MEMILIKI SAHAM DALAM HOTEL YANG DIBANGUNKAN ATAS TANAH MEREKA.

BELIAU BERKATA, KERAJAAN JUGA SEDIA MEMBERIKAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PENDUDUK KAMPUNG DI PULAU ITU YANG SANGGUP MENJADIKAN SEBAHAGIAN DARIPADA RUMAH MEREKA SEBAGAI RUMAH TUMPANGAN PELANCONG KECIL-KECILAN.

SEBELUM ITU, PENDANA MENTERI YANG TIBA BERSAMA ISTERI DATUK SERI PADUKA DATIN DR SITI HASMAH MOHAMAD ALI, DIIRINGI DENGAN 500 BUAH MOTOSIKAL DARI LAPANGAN TERBANG ANTARBANGSA LANGKAWI KE TEMPAT PERKELAHAN ITU.

BELIAU KEMUDIAN DIARAK MENAIKI KERETA PENGUSUNG KHAS DENGAN DIDAHULUI OLEH TUJUH GADIS MEMBAWA BUNGA RAMPAI, TUJUH GADIS MEMBAWA SIRIH JUNJUNG, TUJUH GADIS MEMBAWA PULUT KUNING DAN TUJUH GADIS MEMBAWA BUNGA TELUR DENGAN DIIRINGI OLEH 50 GADIS MEMBAWA BUNGA MANGGAR.

KERETA MENGUSUNG ITU YANG MEMBAWA DATUK SERI DR MAHATHIR DAN ISTERI BERSAMA MENTERI PERTANIAN, DATUK SERI SANUSI JUNID DAN ISTERI DITARIK OLEH 30 ORANG AHLI SILAT.

ANGGOTA EXCO, DATUK PADUKA ABDULLAH ISMAIL, YANG MEWAKILI MENTERI BESAR, ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI YANG LAIN, DAN ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI KAWASAN LANGKAWI, ENCIK ISMAIL YAACOB TURUT BERADA DI MAJLIS ITU.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MAKAN TENGAH HARI BERSAMA-SAMA RAKYAT DAN MELAWAT MAKAM MAHSURI. -- BERNAMA.

1625MST 28 12 89